

06 JUN 2002

Kuota

KUOTA MRSM, 26 NGO TETAP ADAKAN PERBINCANGAN LANJUT

KUALA TERENGGANU, 6 Jun (Bernama) -- Dua puluh enam badan bukan kerajaan (NGO) akan mengadakan pertemuan kali kedua pada 15 Jun ini di ibu negara bagi membincangkan lebih lanjut isu kuota 10 peratus bukan Bumiputera di Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) dan program matrikulasi.

Menurut Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) yang mengetuai kumpulan itu, perjumpaan itu tetap diadakan walaupun Kementerian Pendidikan telah membuat keputusan muktamad mengenainya.

Setiausaha Agung GPMS Syed Anuar Syed Mohamad berkata laporan hasil perbincangan itu akan diserahkan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad secepat mungkin.

"Kita menghormati keputusan yang diambil Kementerian Pendidikan tetapi GPMS mengharapkan agar diberikan sedikit ruang untuk kami berbincang dan memberikan pandangan," katanya kepada Bernama di sini hari ini.

Beliau mengulas kenyataan Timbalan Menteri Pendidikan Datuk Abdul Aziz Shamsuddin bahawa keputusan memperuntukkan kuota 10 peratus kepada bukan Bumiputera di MRSM dan program Matrikulasi adalah muktamad.

Abdul Aziz berkata keputusan itu diambil demi perancangan jangka panjang bagi memperkukuhkan lagi integrasi kaum dan sama sekali tidak berniat untuk menjejaskan kepentingan pendidikan orang Melayu.

Mengulas lanjut perkara itu, Syed Anuar berkata walaupun tujuan keputusan itu dibuat adalah baik, namun GPMS berpendapat terdapat lebih banyak ruang untuk mencapai matlamat integrasi nasional.

"Contohnya mempercepatkan Sekolah Wawasan," katanya.

Beliau berkata GPMS tidak berniat untuk memanasakan lagi isu berkenaan tetapi kerajaan mestilah mengambil kira pandangan serta hujah yang dikemukakan pelbagai pertubuhan.

--BERNAMA

AYB MRA RON